

Prihatin nasib kanak-kanak

Orang yang pernah didera berpotensi
menjadi pendera

Utusan 22/11/12 MS2

Oleh SITI AISHAH YUSOFF

Gambar MOHD NAIM

KELMARIN hampir seluruh media tempatan melaporkan seorang bapa ditahan reman kerana didakwa mengelar leher bayi perempuannya, Nur Amirah yang berusia 11 bulan sehingga mati.

Kejadian berkenaan yang berlaku di rumah mangsa di Felda Panching Selatan, Kuantan, Pahang, itu seolah-olah tidak masuk akal. Bagaimana seorang bapa sanggup menyakiti sekali gus membunuh darah daging sendiri apatah lagi seorang anak kecil yang tidak berdosa.

Di manakah letaknya perikemanusiaan seorang bapa dan apakah yang merasak fikirannya sehingga bertindak sekejap itu?

Bagaimanakah pula perasaan anda apabila kanak-kanak yang menjadi mangsa dera itu adalah anak anda sendiri ataupun mereka yang terlibat itu di kalangan saudara terdekat?

Pasti ketika itu perasaan marah meluap-luap dan ingin orang yang melakukan penderaan atau jenayah tersebut menerima hukuman yang setimpal dengan perbuatan dilakukannya.

Bagaimana pula jika kanak-kanak tersebut menjadi mangsa penderaan ibu bapa sendiri? Pasti sukar untuk individu tersebut tampil membuat laporan kepada pihak polis.

Di sinilah perlunya wujud sikap saling menjaga tepi kain di kalangan masyarakat kerana keprihatinan yang ditunjukkan oleh insan berdekatan dapat menyelamatkan nyawa kanak-kanak tersebut.

Menurut laporan Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, penyumbang terbesar kes penderaan kanak-kanak

Di sinilah perlunya wujud sikap saling menjaga tepi kain di kalangan masyarakat kerana keprihatinan yang ditunjukkan oleh insan berdekatan dapat menyelamatkan nyawa kanak-kanak tersebut

berdasarkan perangkaan kes penderaan kanak-kanak bagi tahun 2005 hingga 2012, dari Januari hingga Julai, 40 peratus pelaku adalah di kalangan ibu bapa dan 19 peratus melibatkan pengasuh.

Daripada statistik tersebut, terdapat sejumlah 1,614 kes yang telah dilaporkan di seluruh Malaysia. Negeri paling banyak berlaku kes penderaan kanak-kanak adalah Selangor diikuti Johor dan Pulau Pinang.

Laporan itu juga menunjukkan kebanyakan mangsa kanak-kanak yang didera adalah dalam lingkungan umur 1 hingga 7 tahun iaitu sebanyak 41 peratus dan majoritinya adalah lelaki.


Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, **Datuk Mohd. Bakri Zinin** berkata, dalam menangani masalah

penderaan kanak-kanak semua pihak perlu berganding bahu untuk menangani masalah tersebut.

"Semua pihak perlu memainkan peranan untuk melaporkan kepada pihak polis jika mengetahui bahawa terdapat individu tertentu telah melakukan



MOHD. BAKRI ZININ



caus sabat... tangisan kanak-kanak sama ada tangisan kerana sakit," katanya.

Ujarnya lagi, menurut definisi kes penderaan kanak-kanak, ia merujuk kepada apa jua perbuatan sama ada yang berbentuk penganiayaan, pengabaian, pendedahan dan peninggalan.

"Penganiayaan merangkumi penderaan fizikal, emosi dan seks, pengabaian pula melibatkan ibu bapa yang mengabaikan tempat tinggal, makanan pendidikan dan penjagaan kesihatan anak-anak.

"Sementara peninggalan pula adalah meninggalkan bayi atau anak tanpa sebarang pengawasan.

"Semua kanak-kanak berpotensi untuk menjadi mangsa penderaan kerana keadaan mereka yang masih mentah, tidak mengetahui hak-hak mereka, tidak memahami erti penderaan dan tidak mampu melawan serta bertindak balas jika mengalami keadaan tersebut," katanya.

Mohd. Bakri berkata, punca yang mendorong berlaku kes penderaan ke atas kanak-kanak antaranya ialah ibu bapa mempunyai masalah dalam kehidupan mereka.

"Ini termasuk pengalaman didera semasa kanak-kanak, mereka yang mengalami masalah psikiatri, menganggap penderaan fizikal sebagai cara mendidik, berada dalam proses penceraian, gangguan emosi dan juga pengaruh emosi yang menguasai diri.

"Selain itu, kanak-kanak yang mempunyai paras rupa yang tidak menarik dan kurang ikatan kasih sayang juga berpotensi menjadi mangsa penderaan selain faktor kemiskinan," katanya.

Beliau berkata, sama ada pendera adalah daripada kalangan ibu bapa atau pengasuh, hukuman setimpal akan dikenakan jika mereka disabitkan dengan kesalahan tersebut.

"Seksyen 31AKK (Akta kanak-kanak) melibatkan kesalahan penganiayaan, pengabaian, pembuangan atau pendedahan kanak-kanak.

"Hukuman denda yang dikenakan tidak melebihi RM 20,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

"Sementara seksyen 32 AKK pula merujuk kepada kanak-kanak yang digunakan untuk mengemis. Hukuman bagi kesalahan ini denda tidak melebihi RM 5,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

"Bagi seksyen 33 AKK pula membabitkan kesalahan membiarkan kanak-kanak tanpa pengawasan yang sepatutnya. Hukuman denda tidak melebihi RM 5,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali," kata Mohd. Bakri.

Menurut beliau lagi, terdapat beberapa langkah perlu diambil oleh setiap penjaga sebelum mereka meletakkan anak-anak di bawah jagaan orang lain.

"Semak rekod penjaga sama ada mempunyai rekod kesalahan lampau, selidik latarbelakang taska (taman asuhan kanak-kanak) itu sama ada ia berdaftar di bawah Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM) atau sebaliknya.

"Keadaan tempat taska juga perlu dilihat iaitu merangkumi kebersihan, bilangan tenaga pengasuh dan bilangan kanak-kanak.

"Selain itu pastikan pengasuh telah menjalani kursus latihan pengendalian taska mengikut garis panduan Akta Taska," kata beliau.



ARKIB... Pasangan suami isteri, Mohd. Izham Saripudin, (kanan) dan Nurul Ainie Mohamad, menunjukkan kaki anaknya Muhammad Ammar Mohd. Izham, 7 bulan, yang mengalami keretakan tulang dipercayai didera di pusat asuhan kanak-kanak pada 7 Oktober lalu.



KESAN darah tempat di mana bayi berusia 11 bulan, Nur Amirah dikelar leher hingga mati oleh bapanya sendiri.